

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA
TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF
PENGERUSI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN**

SEMPENA

**'PELANCARAN KIT PANDUAN AHLI SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN PELAJARAN'**

**PADA
22 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

**BERTEMPAT DI
ZENITH HOTEL, PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Phesal bin Talib

Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berusaha Tuan Haji Suhaimi bin Jusoh

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Dihormati

Barisan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Tuan-tuan dan puan-puan, warga Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
sekalian.

PENDAHULUAN

1. Terima kasih saya ucapkan kepada pihak urus setia atas penganjuran majlis ini. Seperti semua sedia maklum, tujuh (7) orang Ahli Suruhanjaya yang telah berkhidmat mulai 1 Disember 2016 akan menamatkan perkhidmatan mereka pada 30 November 2019 ini. Oleh yang demikian, SPP akan menerima lapan (8) orang Ahli Suruhanjaya yang baharu pada 4 Disember 2019 ini.

2. Tiga tahun bukanlah tempoh yang singkat. Banyak isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak urus setia dan Ahli Suruhanjaya sepanjang tempoh tersebut. Legasi yang ditinggalkan oleh Ahli Suruhanjaya yang terdahulu, diteruskan, dilaksanakan, dihayati, disemak semula dan diperhalusi. Maka, pelbagai cadangan dan pelaksanaan penambahbaikan telah dikemukakan oleh Ahli Suruhanjaya dalam memastikan urusan-urusan yang dikendalikan adalah lancar dan teratur.

Tan Sri, Dato', Dr, Tuan-tuan dan Puan-puan

3. Semasa saya melapor diri hampir setahun yang lalu, saya menerima satu set dokumen yang merangkumi :

- i. Akta undang-undang dan Peraturan Suruhanjaya
- ii. Perintah atau Kaedah keanggotaan SPP
- iii. Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
- iv. Borang-borang tuntutan perjalanan

Dan saya juga difahamkan pada satu masa dahulu ASJ dibekalkan dengan bagasi untuk memuatkan dokumen-dokumen Mesyuarat Suruhanjaya. Jadi, adalah agak sukar membawa fail dan dokumen yang banyak sebagai rujukan utama untuk menghadiri mesyuarat, juga temu duga.

4. Selaras dengan Dasar Pendigitalan Perkhidmatan, yang perlu diwajibkan dan dibajetkan mulai tahun 2020, pihak urus setia telah mengambil langkah proaktif untuk merealisasikan dasar ini. Dalam masa yang sama, Dasar Pendigitalan Perkhidmatan menepati hasrat kerajaan yang menjadi ahli dalam *Agenda Sustainable Development Goals*, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu iaitu ke arah kelestarian alam melalui pengurangan penggunaan kertas dalam tugas seharian.

5. Saya difahamkan, melalui Kit Panduan ASJ yang disediakan ini, semua bahan rujukan telah didigitalkan dan dimuat turun di laptop atau gajet ASJ yang disediakan oleh SPP. Bahan-bahan rujukan ini adalah hasil usaha barisan Ahli Suruhanjaya yang telah dibincangkan secara terperinci. Antara penambahan utama adalah:

- Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib; dan
- Koleksi Pelaksanaan Dasar-dasar oleh SPP dan SPA (e-ruling), yang membolehkan ASJ mengakses terus dasar-dasar yang telah ditetapkan.

6. Inilah legasi yang ditinggalkan oleh Ahli-ahli Suruhanjaya ini. “**Their fights, discussions, sweats and tears**”. Kita sangat berterima kasih kepada mereka atas sumbangan yang telah diberikan kepada Suruhanjaya khususnya dan perkhidmatan awam. Kit Panduan ini akan menjadi sumber rujukan utama dan melalui kaedah ini, saya yakin dan percaya urusan utama SPP yang dijalankan oleh Ahli Suruhanjaya dapat dipermudahkan kepada pasukan ASJ yang baharu bersama-sama gandingan ASJ sedia ada dan juga kepada urus setia.

Pantun budi :

*Anak itik berenang-renang
Air pasang tenang-tenangan
Budi sedikit bilakan hilang
Itu menjadi kenang-kenangan.*

*Tuan puteri pergi ke resah
Pulang semula sebelah pagi
Kita bertemu akhirnya berpisah
Diizinkan Tuhan bersua lagi.*

Dengan lafaz bismillah saya melancarkan Kit Panduan Ahli Suruhanjaya SPP. Terima kasih.